

## Hong Leong Connect – RM9 Rata Tiket Wayang GSC setiap Jumaat, Sabtu & Ahad

### Tempoh Kempen

“Hong Leong Connect Digital Banking Services (“**Connect**”) – “RM9 Rata Tiket Wayang GSC setiap Jumaat, Sabtu & Ahad” (“**Kempen**”), bermula pada 1 Julai 2017 dan berakhir pada 30 Jun 2018 (termasuk kedua-dua tarikh), kecuali jika diberitahu sebaliknya (“**Tempoh Kempen**”).

### Terma dan Syarat

Terma dan Syarat yang ditetapkan berikut terpakai untuk Kempen (“T&C”):

### Kelayakan

1. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pelanggan individu baru dan sedia ada Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”), secara kolektif selepas ini dirujuk sebagai (“Bank”), termasuk kakitangan tetap dan kontrak Bank yang merupakan pengguna berdaftar perbankan dalam talian Hong Leong Connect (“**pengguna Connect**”). Bagi mengelakkan keraguan, pelanggan individu baru merujuk kepada individu yang mendaftar dengan perbankan dalam talian Hong Leong Connect (“**Connect**”) sepanjang Tempoh Kempen.

### Tata Cara Kempen

2. Semua pengguna Connect yang membeli tiket wayang pada hari Jumaat, Sabtu atau Ahad (“Hari Terpilih”) dan membuat pembayaran dari Akaun Semasa / Simpanan Hong Leong Connect melalui laman web GSC di [www.gsc.com.my](http://www.gsc.com.my) atau aplikasi telefon mudah alih GSC adalah layak untuk menikmati RM9 rata bagi setiap tiket (“Tawaran Tiket Wayang”) sepanjang Tempoh Kempen.
3. Kempen ini hanya sah untuk pembelian tiket wayang yang dibuat melalui laman web GSC atau aplikasi telefon mudah alih GSC dan bukannya untuk pembelian yang dibuat dengan mana-mana kaedah lain termasuk melalui telefon dan kaunter.
4. Pengguna Connect boleh membeli lebih daripada satu tiket wayang untuk menikmati tawaran Tawaran Tiket Wayang sepanjang Tempoh Kempen yang memperuntukkan bahawa:
  - a) setiap pengguna Connect hanya layak kepada jumlah maksimum sebanyak dua (2) tiket wayang bagi setiap transaksi; dan
  - b) pembelian tiket mestilah untuk tayangan filem pada hari yang sama dengan transaksi tersebut.
5. Kempen ini hanya sah bagi tiket wayang 2D dewasa yang biasa dijual di semua pawagam GSC di Malaysia kecuali GSC Signature (tidak termasuk tayangan 3D, tempat duduk Gold Class, tempat duduk Premiere Class, tempat duduk Twin Seats, tempat duduk Premium Leather Seats, filem Dolby Atmos, tempat duduk GSC Maxx, tempat duduk D-Box dan tayangan Filem Festival).
6. Bagi mengelakkan keraguan, Tawaran Tiket Wayang akan diperuntukkan berdasarkan siapa cepat, dia dapat dengan had harian sebanyak 500 Tawaran Tiket Wayang untuk dijual pada setiap Hari Terpilih sepanjang Tempoh Kempen (“Had Tiket Wayang”). Walau apa pun peruntukan di sini, tiada lagi Tawaran Tiket Wayang akan diberikan sebaik sahaja Had Tiket Wayang telah dicapai.
7. Tawaran Tiket Wayang tidak boleh ditukar dengan wang tunai mahupun digunakan bersama-sama dengan lain-lain program promosi, tawaran, diskaun, bawcar atau kad keistimewaan.
8. Bayaran tempahan sebanyak RM0.50 bagi setiap tiket akan ditanggung oleh pengguna Connect User.

9. Promosi ini sah untuk tayangan larut malam.

## **Am**

10. Dengan menyertai Kempen ini, pengguna Connect:

- (a) bersetuju bahawa mereka telah membaca dan memahami T&C yang terkandung di sini dan bersetuju untuk terikat dengan T&C Kempen ini, terma dan syarat Connect dan apa-apa terma dan syarat lain berkaitan yang akan dikenakan oleh Bank dari masa ke semasa;
- (b) bersetuju bahawa keputusan HLB dan GSC di atas semua perkara berkaitan dengan Kempen hendaklah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua pengguna Connect. Tiada rayuan atau surat-menyurat selanjutnya akan dilayan;
- (c) bahawa mana-mana pengembalian tiket yang dibeli akan dikecualikan daripada Kempen ini;
- (d) bersetuju untuk mengakses [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Web HLB") dan/atau [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("Laman Web HLISB") pada secara kerap untuk melihat T&C Kempen ini dan memastikan bahawa pengguna Connect sentiasa mendapat maklumat terkini dengan sebarang perubahan atau pertukaran kepada T&C tersebut.

11. Bank dan GSC berhak untuk:

- (a) menambah, memadam atau meminda T&C yang terkandung di sini, sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menggantung atau menamatkan kempen ini mengikut budi bicara mutlak, dengan cara mempamerkannya di laman web pihak Bank dan laman web GSC atau dalam apa-apa cara lain yang Bank fikirkan praktikal, untuk memberi dua puluh satu hari (21) notis kepada pengguna Connect berkenaan penambahan, pemotongan atau pindaan T&C tersebut atau penggantungan atau penamatan Kempen ini;
- (b) untuk membatalkan mana-mana pengguna Connect mengikut pada budi bicara mutlak daripada menyertai Kempen ini untuk apa jua sebab;
- (c) untuk membatalkan Tawaran Tiket Wayang dalam keadaan sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap terma dan syarat yang terkandung di sini;

12. T&C yang terkandung di sini adalah untuk dibaca bersama dengan terma dan syarat bagi Connect sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya berlaku percanggahan, T&C yang terkandung di sini akan mengatasi sehingga tahap percanggahan tersebut.

13. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara T&C ini berbanding pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Kempen ini, T&C terkini di Laman Web HLB dan/atau Laman Web HLISB akan diguna pakai.

14. T&C yang terkandung di sini adalah tertakluk di bawah dan dibentuk selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.